

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **TINDAKAN TEGAS KPDNHEP DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN KE ATAS AKTIVITI PENJUALAN MINYAK MASAK SECARA DALAM TALIAN**

**PUTRAJAYA, 21 September 2022** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa melakukan tindakan penguatkuasaan yang tegas serta pemantauan secara berterusan ke atas aktiviti penjualan barang kawalan berjadual iaitu minyak masak secara dalam talian bagi memastikan aktiviti ini dapat dibendung daripada diseleweng oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

2. Berdasarkan statistik penguatkuasaan berhubung penjualan minyak masak secara dalam talian pada tahun ini sehingga 19 September 2022, sebanyak 55 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh Negara manakala sebanyak sembilan (9) aduan yang berkaitan telah diterima dalam tempoh yang sama. Daripada jumlah itu, sebanyak tiga (3) tindakan kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 telah diambil ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab yang melakukan kesalahan berkaitan penjualan minyak masak secara dalam talian melibatkan nilai rampasan berjumlah RM 1,564.90.

3. Antara kesalahan yang dikesan adalah berurusniaga secara borong dan runcit barang kawalan berjadual iaitu minyak masak tanpa lesen yang sah dan menyimpan minyak masak di tempat yang tidak dilesenkan.

4. Bagi memastikan aktiviti penyelewengan minyak masak yang dilakukan secara dalam talian ini dipantau dengan lebih berkesan, KPDNHEP telah bekerjasama dengan penyedia tapak pasar secara dalam talian dalam Negara seperti Shopee, Lazada, Mudah.my dan Grabmart. Hasil kerjasama terbabit, sebanyak 121 iklan berkaitan penjualan barang kawalan berjadual minyak masak secara dalam talian telah dinyahturn pada tahun ini sehingga 19 September 2022.

5. KPDNHEP ingin memberi amaran keras kepada semua peniaga yang berurusan dengan barang kawalan dan bersubsidi terutamanya minyak masak agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah dikuatkuasakan dan menegaskan bahawa Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam penyelewengan barang kawalan seumpama ini.

6. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM 1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta).

7. Selain itu, syarikat juga boleh disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613) iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil

pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan barang kawalan bersubsidi terutamanya berkaitan minyak masak.

8. Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

9. Masyarakat disaran untuk menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan memberikan kerjasama sekiranya mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan berjadual iaitu minyak masak termasuklah yang dijual secara dalam talian bagi memastikan aktiviti haram ini dapat dibanteras sehingga ke akar umbi.

10. Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000
- ii. Portal Aduan; [e-aduan.kpdnhep.gov.my](http://e-aduan.kpdnhep.gov.my)
- iii. Call Centre 1-800-886-800
- iv. Emel [e-aduan@kpdnhep.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnhep.gov.my)
- v. Ez ADU KPDNHEP

**Azman bin Adam**  
**Ketua Pengarah Penguat Kuasa**  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna,

**PUTRAJAYA, 21 September 2022**

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran. Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan niaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

